

# PBSM Negeri Sembilan bantu mangsa banjir Johor

BH 27/1

Rawatan kesihatan, panduan perubatan penting elak penduduk berpindah semula terdedah kepada penyakit berjangkit

Oleh Hussain Said

**S**EREMBAN: Sikap murah hati rakyat negara ini memang sukar dinafikan apabila ramai begitu prihatin menghulurkan bantuan bagi mengurangkan beban mangsa setiap kali bencana sama ada di dalam atau luar negara.

Bantuan yang dihulurkan bukan setakat wang ringgit, makanan atau pelbagai barangan keperluan, tetapi khidmat sukarelawan membantu mangsa di tempat kejadian.

Antara bantuan pernah dihulurkan, termasuk ketika bencana tsunami dan terbaru membantu lebih 100,000 penduduk Johor yang dilanda musibah banjir dua kali pada akhir Disember tahun lalu dan awal bulan ini.

Sejak awal bencana itu, misi bantuan daripada pelbagai pihak datang mencurah-curah, sekali gus membuktikan keprihatinan dan semangat kemanusiaan yang tinggi di kalangan rakyat negara ini.

Tidak terkecuali Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia (PBSM) cawangan Negeri Sembilan yang turut menghulurkan bantuan walaupun kejadian itu bukan berlaku di negeri ini.

Pertubuhan bukan kerajaan (NGO) itu yang mahir dan berpengalaman dalam khidmat pertolongan cemas menghantar dua pasukan ke Johor dengan tumpuan dalam rawatan kesihatan, nasihat perubatan dan bantuan barangan keperluan.

Pasukan pertama dianggotai 11 sukarelawan bertugas di Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Kota Jaya, Kota Tinggi menempatkan 3,008 mangsa dari 16 hingga 19 Januari lalu.

Ia disusuli pasukan sukarelawan kedua diketuai Pengerusi Respon Kecemasan PBSM Negeri Sembilan, M Ila di Sekolah Kebangsaan Sri Sehati yang menempatkan 518 mangsa banjir daripada 120 keluarga dari Kampung Parit Basri, Seri Medan, Batu Pahat.

Menariknya, bantuan diberikan kepada mangsa bukan setakat pelbagai



**HULUR BANTUAN:** Persatuan Bulan Sabit Merah cawangan Negeri Sembilan bersiap sedia pada misi membantu mangsa banjir di Batu Pahat.

barangan keperluan seperti tilam, ubat nyamuk, selimut dan pakaian terpakai, tetapi ubat-ubatan seperti ubat gatal, demam dan sabun mandi antiseptik.

Pasukan itu juga menyediakan

perkhidmatan rawatan dan panduan nasihat perubatan kepada mangsa banjir bagi mengelak mangsa ditimpa penyakit berjangkit seperti taun dan cirit birit.

Pengerusinya, Datuk Dr Wong Chiang

**“Penyakit mudah merebak berikutan bekalan air tercemar dan ia menyebabkan mangsa, terutama kanak-kanak mudah dijangkiti”**

**Dr Wong Chiang Choy**  
Pengerusi PBSMNS

Choy, berkata pihaknya menyedari rawatan kesihatan dan panduan perubatan amat penting kepada mangsa bagi mengelakkan mereka terdedah kepada penyakit berjangkit.

“Jadi, pasukan sukarelawan kami turut dianggotai pembantu perubatan terlatih bagi memberi perkhidmatan rawatan dan khidmat nasihat perubatan kepada mangsa,” katanya.

Wong berkata, pihaknya berterima kasih kepada pelbagai pihak yang menghulurkan bantuan dan pelbagai barangan kepada persatuan itu, ter-

masuk ubat-ubatan untuk diserahkan kepada mangsa banjir.

“Kita juga mengucapkan terima kasih kepada majikan sukarelawan terbabit kerana memberi cuti tanpa rekod bagi membolehkan misi bantuan ini berjaya,” katanya.

Katanya, bantuan dihulurkan itu bukan pertama kali, sebaliknya PBSMNS turut membantu mangsa tsunami dan berjaya mengutip sumbangan RM60,000 sebelum diserahkan kepada ibu pejabat PBSM untuk disalurkan kepada mangsa bencana itu.